



Ruj.Kami : Prk.ML. 08/35-22 (41)
Tarikh : 25 Mei 2015

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato' / Tuan,

PEKELILING PENGEZONAN ZON B DI PERAIRAN PANTAI BARAT SEMENANJUNG MALAYSIA (KEDAH, PULAU PINANG, PERAK DAN SELANGOR)

Adalah saya dengan segala hormatnya ingin merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato' / Tuan, susulan daripada beberapa sesi majlis perjumpaan dan perbincangan bersama nelayan, Jabatan telah mengkaji perkara ini secara mendalam dengan mengambilkira pelbagai aspek. Ini adalah disebabkan faktor keselamatan vesel sekaligus melibatkan juga kepentingan keselamatan kru-kru vesel tersebut

3. Sehubungan itu, Jabatan telah membuat keputusan **kawasan Zon B di Pantai Barat Semenanjung Malaysia yang melibatkan negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor dibuat pengezonan** seperti berikut :

a) Zon B – 5 batu nautika dari pantai dan ke atas

Dikhaskan kepada vesel nelayan komersial bermuatan 25 GRT dan ke bawah ditambahbaik dengan syarat-syarat seperti berikut :

- i) Boleh menggunakan pembantu tekong
- ii) Menggunakan **100% kru rakyat tempatan.**
- iii) Diwajibkan memasang alat AIS/VMS
- iv) Dikehendaki memasang MAED pada peralatan pukat tunda mereka.
- v) Pemilik vesel perlu menulis nombor pendaftaran di bumbung rumah kemudi rumah kemudi vesel bagi tujuan identifikasi vesel tersebut mengikut saiz yang ditetapkan.
- vi) Bagi permohonan tukar kulit, disyaratkan vesel baru yang dibina hendaklah melebihi 25 GRT.
- vii) Tidak dibenarkan menggunakan nelayan asing.

b) Zon B1 – 8 batu nautika dari pantai dan ke atas

Dikhaskan kepada vesel nelayan komersial bermuatan 25 GRT dan ke atas, dengan syarat :

- i) Boleh menggunakan pembantu tekong
- ii) Dibenarkan menggunakan **80% kru asing.**
- iii) Diwajibkan memasang alat AIS/VMS.
- iv) Di atas bumbung rumah kemudi, nombor pendaftaran vesel mestilah ditulis mengikut saiz yang ditetapkan.

4. Oleh yang demikian, pengezonan zon B di Perairan Pantai Barat Semenanjung Malaysia ini hendaklah dicop di dalam buku lesen vesel yang berpangkalan di Negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor sahaja oleh Pejabat Perikanan Negeri/Daerah yang terlibat.

YBhg. Dato' / Tuan diminta untuk mewar-warkan perkara ini kepada pihak-pihak yang terlibat dalam memastikan hebahan dibuat secara menyeluruh. Pekeliling ini akan berkuatkuasa pada 1 Julai 2015.

Kerjasama dan tindakan YBhg. Dato' berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“JIHAD MEMERANGI ORANG TENGAH”**

Saya yang menurut perintah,



(DATUK HAJI ISMAIL BIN ABU HASSAN)
Ketua Pengarah
Jabatan Perikanan Malaysia
PUTRAJAYA

s.k

Ketua Pengarah
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

Ketua Pengarah
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)

Pengerusi
Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT)

Y.Brs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

Y.Brs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan)

Semua Pengarah Bahagian

Penasihat Undang-undang

Semua Pengarah Perikanan Negeri

Semua Ketua Cawangan Bahagian Pengurusan Sumber

Semua Pegawai Bahagian Pengurusan Sumber

SENARAI EDARAN

Pengarah Perikanan Negeri Kedah

Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Perikanan Negeri Perak

Pengarah Perikanan Negeri Selangor